

BAB

V

ISI KANDUNGAN.

BAB V.

RUMUSAN DAN CADANGAN.

LAMPIRAN.

BIBLIOGRAFI.

BAB V

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Rumusan/ Implikasi.

Kajian ini telah dapat mengemukakan maklumat-maklumat baru yang berkaitan dengan penyebaran Islam di kalangan Orang Asli, ditinjau dari aspek peningkatan dan penerimaan mereka terhadap Islam terutamanya masyarakat Orang Asli di Post Brook. Dalam hal ini beberapa kesimpulan telah dapat dirumuskan antaranya ialah:

Pertama dapat disimpulkan bahawa perkembangan awal Islam di Kelantan telah memberi impak dan sumbangan yang baik kepada perkembangan yang seterusnya. Peranan yang dimainkan oleh tokoh-tokoh ulama' yang terkenal berdasarkan objektif dan strategi yang baik dan kemas telah meletakkan Kelantan sebagai sebuah negeri yang subur untuk digerakkan Dakwah Islamiah bagi menarik masyarakat cintakan kepada Islam.

Kedua: Masyarakat Orang Asli telah memberi ruang yang baik untuk Islam bertapak dalam masyarakat mereka tanpa mengambil kira keadaan mereka yang menghadapi berbagai masalah dalam berbagai aspek kehidupan. Kesusahan mereka tidak membataskan untuk mereka berfikir dan membuat penilaian yang tepat terhadap Islam demi untuk kebaikan mereka secara individu ataupun keluarga di dunia dan di akhirat.

Ketiga: Mereka telah menunjukkan sikap yang matang dalam berfikir bagi menentukan masa depan mereka ke arah mana dan apa matlamat mereka hidup serta tahu menggunakan peluang yang ada untuk dimanfaatkan.

Keempat: Mereka tidak mempunyai keyakinan diri untuk menerima Islam sebagai suatu kepercayaan walaupun mereka telah lama mengenal Islam sebagai agama, ini disebabkan oleh mereka tidak mendapat maklumat dan penerangan yang secukupnya kerana mereka tinggal jauh di pedalaman dengan kepayahan perhubungan. Kepayahan itu merupakan faktor utama kepada kelambatan mereka menerima maklumat mengenai Islam.

Kelima: Berlaku pertambahan yang baik dalam masyarakat Orang Asli yang memeluk Islam dari setahun ke setahun, walaupun ada sesetengah tahun diantaranya terlalu sedikit pemeluk Islam, namun begitu pada setiap tahun dalam tempoh tersebut tetap ada, sama ada secara individu atau berkelompok yang memeluk Islam hasil dari usaha-usaha yang dilakukan oleh badan-badan dakwah. Walaupun sedikit tapi keberkesanan usaha yang dilakukan menampakkan hasil yang baik, di mana sikap Orang Asli tidak mengecewakan para pendakwah yang memasuki ke kawasan mereka dengan penuh harapan agar Islam tetap diterima.

Keenam: Pemelukan Islam masyarakat Orang Asli bukan kerana budaya ibubapa atau kawan-kawan, akan tetapi penerimaan mereka terhadap agama Islam atas dasar kesedaran dan minat yang mendalam kepada agama Islam kerana kebaikan yang wujud dalam agama telah mendorong mereka memeluk Islam bahkan mereka tahu

bahawa Islam menjamin kebahagian dunia dan akhirat. Di samping tingkah laku pendakwah yang banyak membantu dan menerapkan nilai-nilai akhlak yang baik menjadikan daya tarikan kepada masyarakat Orang Asli untuk menerima Islam.

Ketujuh: Menampakkan kesungguhan yang kuat ditunjukkan oleh badan-badan dakwah terutama MAIK kepada masyarakat Orang Asli di Post Brook, satu usaha yang komited dan bertanggungjawab dalam menyampaikan Islam kepada masyarakat pedalaman sebagai meneruskan kesinambungan dakwah Nabi s.a.w dan sahabat serta pendakwah-pendakwah zaman lampau. Usaha ini seperlunya diberi sokongan dan turut sama untuk menjamin bahawa masyarakat Orang Asli di Post Brook akan memeluk Islam keseluruhannya.

Kelapan: Masyarakat Orang Asli pada asalnya memang dikatakan satu masyarakat yang agak susah untuk menerima perkara asing dan baru terutama berkaitan dengan agama, tetapi hakikatnya mereka juga satu masyarakat boleh berubah dengan melalui cara penerangan yang baik dan elok, asalkan apa yang diterima itu mendatangkan kebaikan kepada masyarakat mereka.

5.1 Cadangan.

Untuk menambahkan lagi pemeluk agama Islam dan mengatasi masalah mereka dalam beragama dan tetap dengan agama Islam , malah mereka akan terus melihat agama Islam penuh dengan pengajaran dan kebaikan serta keharmonian, di sini dikemukakan beberapa cadangan yang boleh membantu kepada peningkatan tersebut. Antaranya ialah:

- i) Pihak MAIK khususnya yang memainkan peranan perlu menambahkan bilangan para pendakwah atau tenaga pengajar yang sanggup menetap bersama masyarakat Orang Asli terutama di Post Brook, bagi memberi sumbangan dan menghayati kehidupan Orang Asli agar mereka tetap menjalankan ibadat harian dengan baik, di samping menjaga mereka daripada gangguan agama lain yang senantiasa mengintai peluang untuk mempengaruhi masyarakat Orang Asli..
- ii) Menyediakan peruntukan yang lebih banyak, bagi menampung segala program yang dijalankan agar berjalan dengan lancar dan mendapat perhatian daripada masyarakat orang Asli, malah memudahkan serta mendapat kerjasama yang baik daripada masyarakat mereka.
- iii) MAIK dan badan-badan dakwah yang lain perlu membuat ziarah yang lebih kerap lagi ke kawasan masyarakat Orang Asli di Post Brook, agar mereka merasa terbela dengan agama yang baru mereka peluki. Ini juga bagi mengelak mereka dari mengamalkan budaya lama yang masih melekat dalam masyarakat mereka.
- iv) Mewujudkan satu badan bertindak bagi mengemaskinikan lagi gerakan penyebaran Islam dengan mensepadukan gerakan bersama di antara badan-badan yang berkaitan dengan hal ehwal masyarakat

Orang Asli secara lebih global dengan membuat satu gerak gempur mengislamkan Orang Asli dengan lebih kemas lagi ke semua kawasan yang didiami oleh mereka.

- v) Menyelaraskan aktiviti dan cara pendekatan di antara badan-badan dakwah agar mereka tidak membawa halatuju yang berlainan dalam melaksanakan program dakwah untuk masyarakat Orang Asli, kerana jika halacara berlainan ini terjadi maka matlamat untuk mengislamkan Orang Asli akan menemui jalan buntu, juga melahirkan tenaga dakwah yang pakar dan komited untuk menjalankan dakwah penyebaran Islam di kalangan masyarakat Orang Asli sebagaimana agama-agama lain melakukanya.
- vi) Memperbanyak lagi kursus-kursus asas dan kefahaman ajaran Islam kepada masyarakat Orang Asli di luar kawasan mereka, kerana dengan cara ini akan menarik mereka supaya tetap dengan Islam
- vii) Mendidik dan melatih Orang Asli yang telah lama memeluk Islam agar mereka betul-betul memahami tanggungjawab dalam Islam dan boleh menjadi pembimbing kepada masyarakat mereka sendiri apabila mereka ditinggalkan oleh para pendakwah, setidak-tidaknya pada peringkat awal mereka dilatih menjadi *Muazzin* dan Imam bagi kumpulan mereka.

